

1. Negeri-negeru Melayu Utara (NNMU) Penampas Keselamatan British di Tanah Melayu
 - a. Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu menghantar bunga emas kepada Siam sebagai:
 - i. tanda persahabatan
 - ii. mengeratkan hubungan perdagangan
 - iii. untuk mengelakkan campur tangan Siam. (dibawah naungan Siam) menjamin keselamatan.
 - b. Siam menganggap penghantaran bunga emas kepada Siam sebagai **tanda ketuanan**.
 - c. Pada akhir kurun ke-19, zaman imperialisme baru telah muncul dan mencabar keunggulan British kerana masing-masing **hendak merebut kekayaan bahan mentah** dan tanah jajahan di Asia Tenggara.

Kuasa Imperialis	Kawasan yang Ingin Dikuasai
i. Rusia	Ingin membuka petempatan di Ujung Salang.
ii. Jerman	Ingin mendapatkan Pulau Langkawi.
iii. Perancis	Ingin membuka terusan di Segenting Kra yang mengancam perdagangan British di Singapura.
iv. Amerika Syarikat	Ingin meluaskan pengaruh di Terengganu.

- e. Desakan saudagar-saudagar dan pegawai-pegawai British di Negeri-negeri Selat untuk mengelakkan peluasan kuasa barat yang lain.
 - f. Ini mendorong British untuk mengukuhkan / menguasai / **meluaskan pengaruhnya ke NNMU dengan membuat perjanjian dengan Siam** untuk mengelakkan campur tangan atau kemaraan kuasa Eropah / Imperialis yang lain.
2. **Hubungan Siam dengan Kedah**
 - a. Siam menyerang Kedah (1821)
 - Sultan Kedah Ahmad Tajuddin berundur ke Pulau Pinang.
 - British **tidak membantu Kedah** kerana hendak menjaga **kepentingan perdagangan** dan mengekalkan hubungan baik dengan Siam.
 - b. **Perjanjian Burney (1826) antara British dengan Siam**
 - i. British mengiktirafkan Kedah sebagai jajahan Siam manakala Siam mengiktirafkan British di Pulau Pinang dan Seberang Prai.
 - ii. Sultan Kedah kehilangan takhta dan tidak dibenarkan menetap di Kedah, Pulau Pinang, Seberang Prai, Burma, Perak atau Selangor (akibatnya, Sultan Kedah gagal menguasai Kedah dan berpindah ke Melaka).
 - iii. British bebas berdagang di Kedah, Kelantan dan Terengganu.
 - iv. British tidak akan membenarkan Sultan Kedah menyerang Siam di Kedah atau sebarang jajahan Siam.
 - c. **Sultan Kedah menyerang tentera Siam di Kedah** sebanyak 3 kali (1829-1838) untuk mendapatkan Kedah semula
 - Tetapi setiap kali gagal menguasai Kedah semula kerana British **meminjamkan kapal perang** kepada tentera Siam di Kedah mengikut Perjanjian Burney (Pengkhianatan / Pembelotan British terhadap Kedah).

d. **Tengku Daei / Anom 1842**

- Putera sulung Sultan Kedah dihantar untuk **berunding damai** dengan Raja Siam mengenai pengembalian takhta (**Pendamaian**).
- **1842** Siam bersetuju mengembalikan takhta Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin tetapi wilayah **Perlis, Kupang Pasu** dan **Setul** diasingkan daripada Kedah (untuk menjadi negeri naungan Siam). Wilayah Kedah dikecilkan.
- Kedah juga dikehendaki menghantar bunga emas kepada Siam.

3. **Perjanjian Sulit British Siam (1897)**

a. Bertujuan menghalang Siam daripada menyerahkan atau membenarkan kuasa lain daripada bertapak di NNMU.

b. **Syarat :**

- Siam tidak boleh menyerah NNMU kepada mana-mana kuasa Barat yang lain.
- British mengiktirafkan NNMU dibawah kekuasaan Siam.
- British akan melindungi Siam daripada diserang musuh.

c. Tetapi perjanjian ini gagal menghalang Sultan negeri-negeri tersebut daripada menyerahkan konsesi tanah kepada kuasa asing. Contohnya, Sultan Kelantan menyerahkan konsesi tanah kepada Duff Development Company manakala Sultan Terengganu menerima permohonan Amerika untuk membuka petempatan di Pulau Redang. (Ini kerana Perjanjian Sulit British-Siam ditandatangani **tanpa pengetahuan** Sultan-sultan negeri berkenaan.)

d. Kesemua peristiwa ini menyebabkan peluasan kuasa British.

4. **Perjanjian Sempadan British-Siam (1899)**

- Menetapkan sempadan antara Reman (jajahan Siam) dengan negeri Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu untuk memudahkan kutipan cukai.

5. **Perjanjian Perisytiharan British-Siam (1902)**

- a. untuk menghalang kuasa lain daripada bertapak di NNMU.
- b. Siam dipaksa melantik seorang pegawai British ke Kelantan dan Terengganu yang berkhidmat untuk Siam untuk mengawal **hubungan luar** negeri Kelantan dan Terengganu.
- c. Sultan Kelantan dan Terengganu menjadi negeri naungan Siam dan tidak dibenarkan memberi konsesi tanah kepada kuasa asing.

6. **Perancis menyerang Siam (1909)**

- a. British tidak membantu Siam.
- b. British mengambil **Hak Wilayah Asingan** di Bangkok (rakyat British tidak tertakluk kepada undang-undang Siam sebaliknya **mengikut perundangan British**).

c. Hak Wilayah Asingan

- i. Hak sesuatu kawasan diberi kepada British untuk menjalankan kuasa **perundangan** ke atas warganegara British
- ii. tempat pengaruh British

c. Siam mendakwa British tidak mematuhi **Perjanjian Sulit British-Siam (1897)** kerana British tidak melindungi Siam daripada serangan Perancis.

7. Perjanjian Bangkok (1909)

- a. Siam menyerahkan Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada British (**menjadi negeri naungan British dan negeri-negeri ini tidak perlu menghantar bunga emas kepada Siam lagi**).
- b. Memberi peluang kepada British untuk menguasai NNMU kerana **British bimbang akan campur tangan kuasa Imperialis yang lain**).
 - NNMU diserahkan kepada British. Sungai Golok dijadikan sempadan antarabangsa. **British menyerahkan Wilayah Tabal kepada Siam**. Siam menyerahkan Wilayah Reman kepada Kelantan dan Perak. Sultan Mhd. membantah penyerahan Wilayah Tabal kepada Siam. **Seramai 1500 penduduk Wilayah Tabal menentang penguasaan Siam lalu berhijrah ke Kelantan.**
- c. Perjanjian Sulit British-Siam 1897 dibatalkan.
- d. Hak Wilayah Asingan diserahkan oleh British kepada Siam semula.

8. Penasihat British Mengancam Kedaulatan NNMU


- a. **Sejak Perjanjian Bangkok 1909**, British menempatkan **penasihat-penasihat ke NNMU untuk memberi nasihat** / cadangan-cadangan dalam pentadbiran kepada Sultan untuk mengawal NNMU kecuali agama Islam dan adat istiadat orang Melayu.
- b. **Kesemua Sultan NNMU tidak mengiktirafkan Perjanjian Bangkok 1909** kerana
 - i. **tidak dijemput berunding.**
 - ii. **Kedaulatan negeri tergugat** / terancam (kedudukan / kewibawaan / kuasa raja-raja tergugat)
 - iii. **perjanjian ditandatangani tanpa pengetahuan baginda**
 - iv. tidak puas hati dengan **pengukuhan kuasa British** melalui pelantikan penasihat British yang **merampas pembahagian tugas** pembesar serta menguasai jabatan kerajaan.

9	a.	Kelantan (Sultan Mhd.III)	- Menerima Penasihat British J.S. Mason (1910).
	b.	Terengganu (Sultan Zainal Abidin)	i. Menafikan Penasihat British W.L. Conlay (1910). ii. Menerima Penasihat British J.L. Humphreys dengan rasmi (1919). iii. Mengubal perlembagaan untuk mengekalkan kedaulatan Negeri Terengganu. (Sultan tidak dibenarkan menyerahkan tanah kepada mana-mana kuasa barat)
	c.	Kedah (Sultan Abdul Hamid Halim Syah)	i. William George Maxwell dilantik menjadi Penasihat British. ii. Menerima Penasihat British W. Peel (1923). Tindakan Tunku Mahmud yang jati diri mempertahankan identiti Kedah melalui tindakan Mahkamah. <ul style="list-style-type: none"> - menggunakan bahasa Melayu dalam surat rasmi - menggunakan kalendar Hijrah - mengutamakan pelantikan pegawai Melayu dalam pentadbiran. - Cuti umum pada hari Jumaat. - Surat rasmi tidak perlu ditapis.

f.	Perlis (Sultan Raja Syed Alwi)	i. Meadow Frost, Penasihat British ditempatkan di Perlis. ii. Menerima Penasihat British L.A. Allen (1930).
----	--	--

10. Kesemua NNMU ini jatuh ke tangan British, apabila kesemua **jabatan penting kerajaan** seperti Jabatan Kastam dan Jabatan Kerja Raya dikuasai penasihat British.

Pemodenan Johor Melambatkan Campur Tangan British



3. Temenggung Abdul Rahman

- b. Stamford Raffles dengan angkatan tentera British memaksa Temenggung Singapura menyerahkan Singapura kepada Stamford Raffles.
- c. Malangnya, Perjanjian Singapura ini tidak diiktiraf oleh Sultan Abdul Rahman (yang terikat dengan perjanjian Belanda).

↓ Mangkat

4. Temenggung Daeng Ibrahim (putera Temenggung Abdul Rahman)

- a. bermusuhan dengan Tengku Ali / Sultan Ali.
- b. Membuat Perjanjian Persahabatan 1855 dengan Sultan Ali.
 - i. bermulalah pemerintahan keluarga Temenggung.
 - ii. Sultan Ali disingkir ke Kesang dan Sg. Muar.
- c. **Temenggung Daeng Ibrahim**
 - i. berkuasa di seluruh Johor kecuali Sg. Muar dan Kesang.
 - ii. diiktiraf sebagai pemerintah Johor yang sebenar oleh British.
- d. menjalinkan persahabatan dengan British.
- e. membina **ibu negeri Tanjung Puteri** (Pusat Pentadbiran Johor).
- f. memperkenalkan **Sistem Kangchu**. (menanam lada hitam dan gambir)
- g. **membawa perkembangan ekonomi yang pesat kepada Johor.**

5. Sistem Kangchu (diperkenalkan oleh Temenggung Daeng Ibrahim)

- a. **surat tauliah / surat sungai** diberi kepada orang Cina untuk menetap, mengutip cukai dan **mengusahakan lada hitam dan gambir** di sepanjang tebing Sungai Johor.
- b. Petempatan mereka dikenali sebagai **Kangkar** atau **Kaki Sungai** dan diketuai oleh **Kangchu / Ketua Sungai**.
- c. membawa perkembangan ekonomi yang pesat dan cukai yang dikutip meningkatkan / memberi sumber pendapatan kerajaan Johor.

↓ Mangkat

6 a. Temenggung Abu Bakar

- i. mendapat gelaran Maharaja daripada Ratu England.
 - ii. **Selalu melawat ke Eropah / Singapura** untuk mengetahui selok-belok pentadbiran Barat.
 - iii. Digelar **Bapa Johor Moden** kerana membawa perubahan dalam pentadbiran dan pembangunan Johor. **(menggunakan sistem pentadbiran Barat, memajukan ekonomi dan mengutamakan pendidikan Barat.)**
 - iv. Tanjung Puteri ditukar nama kepada **Johor Bahru**.
 - v. Meneruskan **Sistem Kangchu**
 - vi. Mengadakan mahkamah, perkhidmatan pos
 - vii. Menubuhkan pasukan tentera dan polis
 - viii. Membina sekolah, hospital dan jalan raya
- b. **Membuat Perjanjian Persahabatan 1885 dengan British** (satu kejayaan terbesar)
 - i. diiktiraf sebagai Sultan oleh British.
 - ii. Kedudukan lebih tinggi daripada Pesuruhjaya Tinggi Singapura. Oleh itu, **boleh berhubung terus dengan Lembaga Penasihat Johor** di London untuk mendapatkan nasihat untuk mengurus hubungan luar Negeri Johor.

- iii. Menerima seorang **Konsul** British.
- iv. Dibawah naungan British (dilindungi)
- c. Memperkenalkan **Undang-undang Tubuh Negeri Johor 1895 (Perlembagaan bertulis Johor yang pertama) untuk mengekalkan kedaulatan Johor** (supaya tidak dikuasai kuasa asing).

ANDREW CHOO

- i. Sultan tidak boleh menyerahkan Johor kepada mana-mana kuasa asing.
- ii. **Majlis Mesyuarat Menteri** menasihati Sultan mesti terdiri daripada **orang Melayu**.
- iii. **Majlis Mesyuarat Negeri** menggubal undang-undang mesti terdiri daripada **rakyat Johor**.

↓
Mangkat

7. **Sultan Ibrahim**

- a. Pada tahun 1914, **baginda meminda** / menggubal **Perlembagaan Johor 1895** iaitu membolehkan pihak British menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri **untuk mengekalkan kedaulatan Johor**.
- b. Memecat / membersarakan Dato Abdul Rahman bin Andak atas nasihat British (Gabenor NNS John Anderson).
- c. **1914**-Menerima penasihat British Douglas Campbell.
- d. Berhutang dengan British akibat pinjaman wang untuk rancangan pembinaan landasan keretapi.

8. **Pemimpin Johor yang Mengekalkan Kedaulatan Negeri Johor**

- Johor merupakan Negeri Melayu terakhir menerima penasihat British kerana **pemerintahannya yang cekap dan pembangunan yang moden (melaksanakan sistem birokrasi barat.)**

a.	Dato Abdul Rahman b. Andak (Dato Seri Amar Diraja)	<ul style="list-style-type: none"> - setiausaha Sulit Sultan dan setiausaha Kerajaan Johor. - mengawal hal ehwal hubungan luar Negeri Johor. - menghalang kemaraan British. - Menasihati Sultan supaya menolak helah British untuk menguasai Johor dengan memberi pinjaman kepada Johor untuk membina landasan keretapi. - Dipecat dan dibersarakan ke London oleh Sultan Ibrahim atas nasihat British (Gabenor NNS John Anderson).
b.	Dato Jaafar b. Hj. Muhd	<ul style="list-style-type: none"> - setiausaha Kerajaan Johor dan Menteri Besar Johor. - Memastikan pegawai British. <ol style="list-style-type: none"> i. Memakai pakaian rasmi Johor. ii. Surat rasmi ditulis dalam Bahasa Melayu. iii. Bendera Union Jack dikibar lebih rendah daripada bendera Johor.
c.	Dato Muhd. Ibrahim b. Munshi (Dato Bentara Dalam / Bapa Pendidikan Melayu Johor)	<ul style="list-style-type: none"> - 1893 dilantik menjadi Timbalan Menteri yang pertama. - mengetuai Jabatan Pendidikan Johor untuk mewajibkan rakyat belajar, mengembangkan pendidikan moden di Johor dengan membina sekolah Melayu dan mengawal perkembangan sekolah Cina.
d.	Dato Mhd. Salleh b. Perang (Dato Bentara Luar)	<ul style="list-style-type: none"> - Ketua Jabatan Tanah dan Ukur Johor. - Pesuruhjaya Polis Johor (menjaga keamanan Johor). - melukis pelan / peta pembangunan Muar dan Negeri Johor.


9. Cara-cara British mengukuhkan kekuasaannya di Johor.

- i. memberi pinjaman kewangan untuk rancangan membina landasan keretapi (supaya Johor berhutang dengan British).
- ii. menyekat kerajaan Johor daripada mendapat nasihat daripada Lembaga Penasihat London tentang hal-ehwal hubungan luar Johor.
- iii. mempengaruhi Sultan Ibrahim untuk membersarakan Dato Abdul Rahman bin Andak, pegawai yang menghalang kemaraan British.

**TINGKATAN 2 (BAB 3) :
NEGERI-NEGERI MELAYU UTARA JOHOR BENTENG KESELAMATAN BRITISH**

PMR 1995

Soalan 15 berdasarkan peta di bawah.



15 Pada tahun 1909 satu perjanjian telah ditandatangani antara pihak Inggeris dengan pihak Siam yang melibatkan negeri yang berlorek dalam peta di atas.

Apakah faktor **utama** yang mendorong pihak Inggeris menandatangani perjanjian tersebut?

- A Permintaan daripada Raja Siam
- B Kekayaan hasil bumi di negeri tersebut
- C Kebimbangan terhadap campur tangan kuasa lain
- D Perebutan kuasa antara pembesar tempatan

(JAWAPAN C: NOTA 7b)

PMR 1996

Soalan 1 berdasarkan pernyataan di bawah.

Pada tahun 1895 Sultan Ibrahim telah membuat beberapa pindaan terhadap Perlembagaan Negeri Johor.


1 Mengapakah Sultan Ibrahim meminda perlembagaan tersebut?

- A Untuk membenarkan kemasukan imigran
- B Untuk menghalang perebutan takhta kerajaan
- C Untuk menerima sistem pentadbiran Barat
- D Untuk mengekalkan kedaulatan negeri

(JAWAPAN C : NOTA 7a)

PMR 1996

Soalan 2 berdasarkan peta di bawah.



2 Pada tahun 1909 satu perjanjian telah ditandatangani antara pihak Inggeris dengan pihak Siam yang melibatkan negeri dalam rajah di atas.

Apakah faktor utama yang mendorong pihak British menandatangani perjanjian tersebut?

- A Permintaan daripada Raja Siam
- B Kekayaan hasil bumi di negeri tersebut
- C Kebimbangan terhadap campur tangan kuasa lain
- D Perebutan kuasa antara pembesar tempatan

(JAWAPAN C: NOTA 7b)

PMR 1997

- 3 Surat Sungai penting dalam Sistem Kangcu untuk membolehkan Kangcu
- A diberi kuasa mengutip cukai lada hitam dan gambir.
 - B diberi kuasa membawa masuk buruh Cina ke ladang.
 - C bertindak sebagai ketua kumpulan di kawasan ladang.
 - D bertanggungjawab mengawal penanaman lada hitam dan gambir.

(JAWAPAN D: NOTA 5a)

Soalan 4 berdasarkan maklumat di bawah.

Sultan Abu Bakar

- Mengadakan lawatan ke negara-negara Eropah
- Menerima konsul British

- 4 Berdasarkan maklumat di atas, apakah tujuan Sultan Abu Bakar berbuat demikian?
- I Menerima sistem pentadbiran Barat
 - II Memajukan negeri Johor
 - III Meningkatkan taraf kesihatan rakyat
 - IV Mengutamakan pendidikan Barat
- A I, II, dan III
 - B I, II, dan IV
 - C I, III, dan IV
 - D II, III, dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 6a.III)

PMR 1998

Soalan 5 berdasarkan pernyataan di bawah.

Sultan Zainal Abidin III merupakan seorang pemerintah Terengganu yang tegas. Baginda enggan mengiktiraf Perjanjian antara British dengan Siam pada tahun 1897, 1902, dan 1909 tentang kedudukan negeri Terengganu.

- 5 Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah baginda bertindak sedemikian?
- A Perjanjian itu boleh memburukkan hubungan Terengganu–Siam
 - B Perjanjian itu menggugat kedudukan agama Islam di Terengganu
 - C Perjanjian itu ditandatangani tanpa pengetahuan baginda
 - D Perjanjian itu mengurangkan kuasa baginda

(JAWAPAN C: NOTA 8b.i,iii)

Soalan 6 berdasarkan senarai di bawah.

- Dato' Jaafar bin Muhammad
- Dato' Abdul Rahman bin Andak
- Dato' Muhammad Salleh bin Perang

- 6 Berdasarkan senarai di atas?
- A Menentang pelantikan Penasihat British di Johor
 - B Membantu memelihara kedaulatan Johor
 - C Membantu memajukan pendidikan Inggeris di Johor
 - D Menentang sistem pendidikan Barat di Johor

(JAWAPAN B: NOTA 8)

PMR 1999

- 7 Apakah langkah yang diambil oleh British untuk meluaskan pengaruhnya di Johor pada penghujung abad ke-19?
- I Merancang pembinaan landasan kereta api di Singapura
 - II Melarang pembesar Johor melawat luar negara
 - III Membenarkan Singapura berdagang dengan Johor
 - IV Menyekat Johor berhubung terus dengan London
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 9 i,ii)

Soalan 8 berdasarkan senarai di bawah.

- Kedah
- Perlis
- Kelantan
- Terengganu

- 8** Mengapakah negeri-negeri Melayu di atas tidak lagi menghantar bunga emas ke Siam selepas tahun 1909?
- A** Mempunyai angkatan tentera yang kuat
 - B** Menjalin hubungan baik dengan Siam
 - C** Menjadi negeri naungan British
 - D** Mengalami kekurangan hasil dalam negeri

(JAWAPAN C: NOTA 7a)

Soalan 9 berdasarkan pernyataan di bawah.

Pada tahun 1885 Sultan Johor, Maharaja Abu Bakar telah menandatangani perjanjian persahabatan dengan kerajaan British.

- 9** Mengapakah perjanjian di atas penting bagi baginda?
- I Diiktiraf sebagai pemerintah Johor
 - II Dapat berhubung terus dengan kerajaan British di London
 - III Dibenarkan menjalin hubungan dengan kuasa Eropah lain
 - IV Tarafnya lebih tinggi daripada Gabenor British di Singapura
- A** I, II, dan III **C** I, III, dan IV
 - B** I, II, dan IV **D** II, III, dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 6b)

PMR 2000

- 11** Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu dikehendaki menghantar bunga emas ke Siam.

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?

- I Negeri naungan
- II Mengakui ketuanan
- III Tanda persahabatan
- IV Hubungan perdagangan

- A** I, II, dan III
- B** I, II, dan IV
- C** I, III, dan IV
- D** II, III, dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 1a)

PMR 2001

- 10** Mengapakah Johor merupakan negeri terakhir menerima Penasihat British?

- A** Perpaduan rakyatnya
- B** Ekonomi yang mantap
- C** Pembangunan negerinya
- D** Pemerintahan yang cekap

(JAWAPAN D: NOTA 8)

Soalan 13 berdasarkan maklumat di bawah.

Pada tahun 1885, Maharaja Abu Bakar telah menandatangani perjanjian persahabatan dengan kerajaan British.

- 13** Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah perjanjian tersebut dianggap satu kejayaan kepada Maharaja Abu Bakar?

- I Diiktiraf sebagai pemerintah oleh British
- II Dibenarkan melantik Penasihat British dalam pentadbiran
- III Diakui berkedudukan lebih tinggi daripada Gabenor British
- IV Dibenarkan berhubung terus dengan kerajaan British di London

- A** I, II, dan III
- B** I, II, dan IV
- C** I, III, dan IV
- D** II, III, dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 6b)

Soalan 14 berdasarkan jadual di bawah.

Kuasa	Tempat
Perancis	Segenting Kra
Jerman	Pulau Langkawi
Amerika Syarikat	Terengganu

14 Apakah tindakan British untuk menghadapi persaingan kuasa-kuasa Barat di atas antara tahun 1897–1909?

- A Menguatkan angkatan tenteranya
- B Membahagikan kawasan pengaruh Barat
- C Menandatangani perjanjian dengan Siam
- D Mendapatkan bantuan pembesar tempatan

(JAWAPAN C: NOTA 1f)

Soalan 16 berdasarkan pernyataan di bawah.

Hak Wilayah Asingan

16 Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah rakyat British yang melakukan kesalahan di Siam dibicarakan?

- A Melalui titah perintah Raja
- B Melalui perundangan British
- C Melalui adat istiadat tempatan
- D Melalui perundangan antarabangsa

(JAWAPAN B: NOTA 6b)

Soalan 17 berdasarkan pernyataan di bawah.

Tahun	Perjanjian
1910	Terengganu–British

17 Apakah tindakan yang diambil oleh Sultan Zainal Abidin III untuk memelihara kedaulatan Terengganu selepas perjanjian di atas?

- A Menguatkan pertahanan
- B Menggubal perlembagaan
- C Meningkatkan kemajuan ekonomi
- D Menjalin hubungan dengan Amerika Syarikat

(JAWAPAN B: NOTA 8 biii)

Soalan 18 berdasarkan jadual di bawah.

Negeri	Penasihat
Kedah	William George Maxwell
Perlis	Meadows Frost

18 Penempatan Penasihat British selalu menimbulkan perbalahan dengan pihak istana. Apakah isu yang dipertikaikan?

- A Pajakan tanah
- B Sistem perhambaan
- C Sistem pengangkutan
- D Perbahagian bidang tugas

(JAWAPAN D: NOTA 8b iv)

PMR 2003

Smith seorang warga British di Siam dihadapkan ke Mahkamah kerana melakukan jenayah. Semasa pengadilannya diadakan Smith mendapat Hak Wilayah Asingan.

10. Penyataan di atas berkaitan dengan Hak Wilayah Asingan. Apakah hak yang didapati oleh Smith tersebut?

- A Diadili mengikut perundangan Siam
- B Diadili di mahkamah persekutuan Tanah Melayu
- C Diadili mengikut perundangan British
- D Diadili mengikut perundangan antarabangsa

(JAWAPAN C: NOTA 6b)

11. Sultan Zainal Abidin III menerima W. L. Conlay sebagai wakil British pada tahun 1910.

Apakah tindakan baginda bagi menjamin kedaulatan Terengganu selepas peristiwa tersebut?

- A Mengambil askar upahan
- B Menggubal perlembagaan
- C Membentuk pasukan tentera
- D Menjalin hubungan diplomatik

(JAWAPAN B: NOTA 8b iii)

Negeri	Penasihat British
Kelantan	J.S Mason
Perlis	Meadow Frost
Kedah	George Maxwell


12. Jadual di atas menunjukkan sistem penasihat British di Tanah Melayu. Apakah peranan penasihat British tersebut?

- A Menyusun sistem cukai
- B Menggalakkan pelaburan
- C Menjadi penasihat sultan
- D Menggubal undang-undang

(JAWAPAN C: NOTA 8a)

PMR 2004

Soalan 23 berdasarkan rajah di bawah.



23. Berdasarkan rajah di atas, jawatan X dalam sistem pentadbiran Johor ialah

- A Pegawai Daerah
- B Setiausaha Kerajaan
- C Penasihat Kewangan
- D Pegawai Penterjemah

(JAWAPAN B: NOTA 8a, b)

PMR 2005

22. Mengapakah Sultan Zainal Abidin III tidak mengiktiraf Perjanjian Bangkok 1909?

- I Tidak dibawa berunding
 - II Kedaulatan negeri tergugat
 - III Dipaksa menghantar bunga emas
 - IV Bercanggah dengan perlembagaan negeri
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 8b i,ii)

PMR 2006


Selepas Perjanjian Bagkok 1909, J.S. Mason dilantik sebagai Penasihat British di Kelantan.

- 22 Pernyataan di atas merujuk kepada usaha peluasan kuasa British di Kelantan.

Mengapakah Sultan Kelantan tidak bersetuju dengan pelantikan tersebut?

- A Menggugat kedaulatan negeri
- B Menyekat aktiviti perdagangan
- C Mencabul adat istiadat Melayu
- D Menjejas hubungan dengan Siam

(JAWAPAN A: NOTA 8b ii)



- 23 Rajah di atas menerangkan sumbangan seorang tokoh yang telah berjasa kepada negeri Johor.

Apakah X?

- A Memartabatkan bahasa Melayu
- B Menyekat kemaraan kuasa British
- C Melukis peta pembangunan negeri
- D Mewajibkan pendidikan semua rakyat

(JAWAPAN D: NOTA 8c)

PMR 2007

- Dato' Jaafar bin Muhammad
- Dato' Abdul Rahman bin Andak

- 22 Senarai di atas merupakan pemimpin yang berwibawa di Johor.

Apakah persamaan pemimpin tersebut?

- A Mengekalkan kedaulatan negeri
- B Memajukan sekolah Inggeris
- C Melaksanakan Sistem Kangcu
- D Menggubal perlembagaan negeri

(JAWAPAN A: NOTA 8)

Tokoh	Usaha
Tunku Mahmud	<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan surat rasmi.• Menggunakan kalendar Hijrah.• Mengutamakan pelantikan orang Melayu dalam pentadbiran.


- 23 Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan tokoh di atas?

- A Diplomasi
- B Jati diri
- C Toleransi
- D Berhemah

(JAWAPAN B: NOTA 9c)

PMR 2008

Rajah 5 menerangkan sumbangan Sultan Abu Bakar kepada pemodenan negeri Johor.



Rajah 5

Apakah X?

- A Mengisytiharkan perlembagaan negeri
- B Memindahkan ibu negeri
- C Membuka pelabuhan antarabangsa
- D Memperkenalkan tanaman dagangan

(JAWAPAN A: NOTA 6c)

PMR 2009

- 22 Melalui Sistem Kangcu, orang Cina perlu mendapatkan Surat Sungai untuk mengusahakan pertanian.

Surat tersebut diperlukan untuk mengusahakan tanaman

- A tebu
- B nanas
- C buah pala
- D lada hitam

(JAWAPAN D: NOTA 5)

- 23 Gambar 2 menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar, pemerintah yang telah menyumbang kepada pemodenan negeri Johor pada kurun ke-19.



Gambar 2

Apakah sumbangan baginda?


- A Membentuk daerah baru
 - B Melaksanakan Sistem Kangcu
 - C Melantik penasihat Barat dalam pentadbiran
 - D Memperkenalkan perlembagaan negeri
- 24 Mengapakah penduduk di wilayah Tabal berhijrah ke negeri Kelantan selepas Perjanjian Bangkok 1909?
- A Membantah kekuasaan Siam
 - B Mempertahankan sistem beraja
 - C Menghalang kemasukan kuasa Barat
 - D Memperkukuh pentadbiran tradisional

(JAWAPAN D: NOTA 8c)

(JAWAPAN AB: NOTA 7b)

PMR 2010

20 Rajah berikut menunjukkan sumbangan seorang tokoh di Johor.




Apakah X?

- A Mewajibkan pendidikan
- B Melukis peta negeri
- C Mendaulatkan bahasa
- D Menggubal perlembagaan

(JAWAPAN B: NOTA 8d)

21 Peta berikut menunjukkan kemaraan kuasa Barat di Asia Tenggara.




Apakah tindakan British untuk menghalang kemaraan tersebut?

- A Mengawal laluan perdagangan
- B Mengukuhkan pangkalan tentera
- C Menandatangani perjanjian dengan Siam
- D Mengadakan rundingan dengan Raja-Raja Melayu

(JAWAPAN C: NOTA 1f)

22 Garis masa berikut menunjukkan Johor adalah negeri yang paling lewat dikuasai British berbanding negeri lain di Tanah Melayu.



Bagaimanakah pemerintah Johor berjaya melambatkan kemaraan British?

- A Menggalakkan kemasukan golongan imigran
- B Menetapkan sempadan antara wilayah
- C Mengawal kedatangan pelabur asing
- D Melaksanakan sistem birokrasi barat

(JAWAPAN D: NOTA 8)